

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN TERMINAL BARU LAPANGAN TERBANG**  
**ANTARABANGSA PULAU PINANG**  
**DI PULAU PINANG**  
**11 OGOS 2001**

-----

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Malaysia Airports Holdings Berhad kerana memberi kesempatan kepada saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Bangunan Terminal Lapangan Terbang Pulau Pinang ini.

2. Pembukaan rasmi Bangunan Terminal Lapangan Terbang Pulau Pinang yang baru siap diubahsuai ini menzahirkan satu lagi kesungguhan kita untuk melihat pembangunan yang berterusan di dalam industri pengangkutan udara di negara kita. Pembangunan lapangan terbang ini yang hampir tertangguh semasa kegawatan ekonomi dalam tahun 1997, telah dapat diteruskan untuk memberi kemudahan yang terbaik kepada rakyat Pulau Pinang khasnya dan penduduk-penduduk di negeri-negeri berdekatan amnya.

3. Saya mengucapkan syabas kepada Malaysia Airports Sdn Bhd diatas komitmen mereka yang begitu tinggi dan keprihatinannya kepada keperluan semasa.

4. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah lapangan terbang yang terpenting di utara Semenanjung. Ia adalah satu pusat komersial dan perhubungan yang mempunyai kaitan yang rapat dengan segala kegiatan ekonomi di utara ini. Bukan sahaja ia memberi faedah kepada penduduk Pulau Pinang, malah penduduk-penduduk dari Perlis, Kedah dan Perak juga menerima manfaat dari lapangan terbang ini.

5. Sepertimana kita tahu, lapangan terbang membawa tiga jenis faedah kepada pembangunan ekonomi setempat, iaitu, secara langsung, tidak langsung dan sampingan. Air Transport Action Group (ATAG) di Eropah dalam kajiannya telah menganggarkan ekonomi tempatan akan mendapat faedah dalam lingkungan RM 2 juta secara langsung dan RM 17 juta secara tidak langsung bagi setiap 10 juta pergerakan penumpang. Jumlah pekerjaan yang dapat diwujudkan ialah 15,000 secara langsung dan 60,000 secara tidak langsung. Nyatalah faedah yang dapat dinikmati oleh negeri jauh melebihi nilai yang dibelanjakan untuk pembangunan lapangan terbang ini. Kemajuan dan pembangunan yang dapat dinikmati oleh Pulau Pinang adalah berganda ekoran dari penerbangan yang masuk ke lapangan terbang ini.

6. Banyak industri yang terdapat di negeri ini dan negeri-negeri yang berdekatan bergantung kepada lapangan terbang Pulau Pinang untuk membolehkan mereka menguasai pasaran antarabangsa.

7. Dengan adanya infrastruktur perhubungan udara yang serba lengkap ini, banyak industri membangun dengan pesat dan sekaligus memberi pekerjaan dan faedah-faedah cukai kepada kerajaan.

8. Dalam tahun 2000, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah mengendalikan seramai 2.75 juta penumpang. Dari jumlah ini seramai 1.3 juta

adalah penumpang yang tiba di Pulau Pinang. Salah satu sebab utama penambahan kapasiti lapangan terbang ini adalah untuk memberi kemudahan yang lebih efisien bagi memajukan lagi aktiviti pelancongan disini. Di daerah lain seperti Mulu di Sarawak, misalnya, lapangan terbang dibina untuk mengeksploit potensi pelancongan di daerah pedalaman.

9. Walau apa pun sebabnya, perlu kita ingat bahawa lapangan terbang berfungsi sebagai `showcase' untuk sesebuah negeri. Untuk kebanyakan penumpang, lapangan terbang adalah tempat pertama yang menemukan mereka kepada budaya setempat, oleh itu adalah penting segala formality, kualiti perkhidmatan, kecantikan dan kebersihan dijaga dengan baik.

10. Kita perlu ingat, kecanggihan struktur sahaja tidak akan menjadikan sesuatu lapangan terbang itu bertaraf dunia. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mesti diberi perhatian dan penjagaan. Rekabentuk yang canggih dan moden dan kemudahan yang berteknologi tinggi menimbulkan harapan kepada perkhidmatan dan layanan yang lebih baik lagi oleh penumpang dan pengguna lapangan terbang. Harapan ini mesti dijadikan kenyataan. Industri perkhidmatan jika diuruskan dengan efisien akan menghasilkan kepercayaan pelanggan.

11. Malaysia Airports bukan sahaja perlu membekal tahap perkhidmatan yang baik tetapi perlu juga menguatkuasakan dan menentukan standard perkhidmatan yang tinggi, baik oleh kakitangannya mahupun agensi kerajaan atau organisasi swasta dilapangan terbang.

12. Oleh kerana itu, semua pihak yang terlibat dengan membekal khidmat, kemudahan dan urusan yang bersangkutan dengan lapangan terbang, terutamanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, hendaklah bekerjasama dan saling bantu membantu supaya tidak ada sesuatu perkhidmatan yang terkebelakang atau `sub- standard' terdapat di lapangan terbang ini.

13. Saya ingin mengulangi saranan saya bahawa janganlah kita terlalu bangga dan megah dengan kemudahan bertaraf dunia tetapi tidak pula kita berusaha untuk memastikan bahawa perkhidmatan kita pun bertaraf dunia. Saya berharap pihak pengurusan akan memastikan bahawa budaya selenggara atau "culture of maintenance" kita pun bertaraf dunia supaya kemudahan- kemudahan yang telah kita bina dengan kos yang tinggi tidak akan terabai dan rosak.

14. Begitu juga janganlah sesiapa pun yang terlalu mengutamakan `territory' dan bidang kuasa sehingga terjejas perkhidmatan menyeluruh yang diberikan.

15. Sebagai langkah proaktif, saya sarankan supaya diadakan kerjasama bersepadu di antara pengurusan lapangan terbang dan badan-badan pelancongan di dalam negeri, agensi-agensi pembangunan dan rakan kongsi perniagaan yang lain untuk mempromosikan Pulau Pinang dan negeri-negeri lain yang berdekatan dengan lebih agresif sebagai destinasi pelancongan.

16. Untuk makluman saudara-saudari, industri pelancongan telah berkembang dengan pesat. Bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini, kita telah mencatat ketibaan seramai 7.2 pelancong ke negara kita, iaitu, penambahan sebanyak 44.1 peratus jika dibanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2000.

17. Penambahan yang paling menggalakkan adalah ketibaan pelancong dari negara-negara seperti Republik China, Jepun dan Taiwan. Pelancong terbanyak adalah dari Singapura, Thailand dan Indonesia. Walau bagaimanapun, kita juga mencatat kenaikan pelancong dari negara-negara seperti Brunei Darussalam, United Kingdom, Australia, Amerika Syarikat dan negara-negara Teluk.

18. Saya juga difahamkan bahawa terdapat syarikat pelancongan Eropah dan Taiwan yang membawa masuk pelancong menggunakan pesawat sewa khas ke Langkawi dan Kuantan secara `charter' berjadual.. Saya percaya banyak syarikat pelancongan di Eropah, Amerika atau rantau Asia Pasifik yang boleh di yakinkan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang istimewa.

19. Aspek pembangunan industri kargo udara juga harus di ambil berat. Dalam tahun 2000 sebanyak 88 juta kilogram kargo telah dieksport melalui lapangan terbang. Walaupun kita mendapati sedikit penurunan dalam jumlah pergerakan kargo udara dalam tahun 2001 disebabkan kelembapan ekonomi dunia, tetapi penurunan ini tidak boleh dijadikan alasan untuk kita mengambil sikap tunggu dan lihat. Syarikat-syarikat pengendali kargo, syarikat-syarikat penerbangan dan pengendali lapangan terbang perlu berganding bahu dan lebih aktif untuk mencari strategi-strategi baru untuk meningkatkan lagi pergerakan kargo udara dari Malaysia. Pulau Pinang harus dijadikan pengkalan untuk mengeksport kargo melalui udara ke serata dunia. Majoriti kargo udara kita dari Pulau Pinang dihantar ke destinasi di Asia Tenggara, Taiwan, Jepun dan Korea dan ke Timur Tengah. Terlalu sedikit yang dihantar ke Eropah melalui lapangan terbang ini. Hanya 2 destinasi sahaja yang mendapat perkhidmatan kargo udara dari Pulau Pinang, Hanh di German dan Amsterdam di Belanda. Tidak ada yang dihantar ke Amerika atau mana-mana destinasi di benua tersebut. Kita perlu menambah destinasi-destinasi di Amerika dan Eropah ini, disamping mencari destinasi-destinasi yang baru untuk pasaran eksport melalui kargo udara di tempat-tempat lain.

20. Saya menyeru kepada semua pengeksport supaya menggunakan kemudahan yang terdapat di dalam negara kita sendiri untuk keperluan perkhidmatan kargo udara. Kita telah ketinggalan di dalam industri pengangkutan kargo udara jika dibandingkan dengan negara jiran dan yang lebih mengecewakan saya bahawa sebahagian dari kargo udara yang mendarat dan berlepas di negara tersebut adalah dari Malaysia dan untuk Malaysia.

21. Ada barangan untuk eksport yang dihantar melalui jalanraya ke negara jiran untuk dieksport melalui lapangan terbangnya. Saya rasa kecewa bahawa setelah 44 tahun merdeka, masih ada ahli perniagaan kita yang tidak yakin kepada keupayaan negara kita sendiri. Pulau Pinang mempunyai keupayaan strategik untuk dijadikan pusat eksport melalui udara. Kita telah membelanjakan berbilion ringgit untuk membangunkan pelabuhan- pelabuhan dan hubungan jalanraya yang baik yang boleh digabungkan sebagai `instrument' yang bersepadu. Malaysia Airports telah membina pusat kargo yang besar di lapangan terbang ini dan saya yakin Kerajaan Negeri akan memberi sokongan yang padu kepada pengusaha- pengusaha yang betul-betul mempunyai kemahuan.

22. Saya yakin segala yang kita lakukan adalah mengikut perancangan dan telah dikaji dengan sepenuhnya dari segala aspek. Semua ini adalah untuk mengekalkan tahap daya saing negara kita dan untuk menempatkan kita di platform yang sama dengan negara-negara yang lebih maju.

23. Saya berharap segala usaha ini tidak dipandang ringan oleh mana mana pihak dan sama-sama memikul tanggungjawab untuk terus melonjakkan negara kita di tempat yang terbaik di dunia.

24. Saya mengucapkan terima kasih kepada Malaysia Airports kerana pengurusannya yang teliti dalam menguruskan lapangan terbang di Malaysia. Saya berharap dengan pembesaran bangunan terminal lapangan terbang Pulau Pinang akan memberi lebih keselesaan pada penumpang dan pelancong dan sekaligus akan menjadi pemangkin kepada industri-industri hiliran yang akan mencipta pekerjaan kepada rakyat.

25. Dengan lafaz `BismillahHirrahmanirRahim' saya merasmikan Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Terima kasih.